

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 26 NOVEMBER 2008, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 68

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1213-L14771
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
 - (a) berapa banyak kes-kes pemalsuan kad pengenalan pada tahun 2000-2008 dan apakah bentuk hukuman terhadap pihak atau individu yang terlibat; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membendung gejala ini.
2. PR-1213-L15575
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bilangan pelabur asing dan jumlah wang yang telah keluar dari Malaysia sejak tahun ini.
3. PR-1213-L15224
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang dasar Kerajaan dalam menggunakan tenaga juruterbang muda terutamanya di bawah perkhidmatan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS).
4. PR-1213-L15481
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan di manakah levi yang dikutip daripada pekerja asing disalurkan dan siapakah yang mendapat manfaat daripada kutipan levi tersebut.

5. PR-1213-L15971
Dato' Lee Chee Leong [Kampar] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah matlamat Kerajaan kita tercapai dalam usaha memperoleh sekurang-kurang 60 peratus tenaga pengajar di Pusat Pengajian Tinggi Awam berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) menjelang pelaksanaan RMK-9.
6. PR-1213-L15832
Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) berapa jumlah Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik kini dan adakah Kerajaan berpuas hati dengan prestasi mereka; dan
 - (b) tidakkah Kerajaan bercadang mengambil Pegawai PTD dari mereka yang berpengalaman sama ada dari sektor awam atau swasta paling minima tiga tahun sebelum diterima sebagai Kadet PTD justeru menjadikan Pegawai PTD lebih matang dan berketerampilan.
7. PR-1213-L15363
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam usaha meningkatkan patriotisme, kepimpinan dan keusahawanan di kalangan belia dan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan dan adakah peruntukan yang diberikan itu mencukupi.
8. PR-1213-L16023
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan angka rasmi kadar pengangguran mahasiswa untuk 3 tahun lalu sehingga kini dan apakah usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah 'miss-match' antara dunia akademik dan sektor industri serta keperluan pasaran.
9. PR-1213-L15694
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik mahasiswa lelaki dan perempuan di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi menangani sebarang ketidakseimbangan jumlah mahasiswa lelaki dan perempuan ini.
10. PR-1213-L14829
Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian sedar terdapat beberapa kawasan penempatan orang Asli di Hulu Selangor yang terletak di kawasan semula jadi flora dan fauna di samping kaya dengan kesenian dan kebudayaan yang boleh menarik pelancong. Bolehkah Kementerian membangunkan sektor pelancongan di kawasan ini dengan menjalankan program-program bagi menarik pelancong ke kawasan tersebut.

11. PR-1213-L15172
Datuk Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah kos bagi projek hospital daerah Lawas yang baru, siapakah kontraktor yang bertanggungjawab dan bilakah ianya dijangka siap.
12. PR-1213-L15007
Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah sebabnya Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di luar bandar tidak berkembang berbanding dengan IKS di negeri jiran seperti Thailand.
13. PR-1213-L16431
Tuan Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan alasan perkembangan ekonomi Pahang yang agak perlahan berbanding negeri-negeri di Semenanjung di sebalik potensi tinggi yang dimiliki oleh Pahang. Apakah strategi yang diambil (selain pelancaran koridor ECER) untuk mempertingkatkan ekonomi yang kukuh serta dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Pahang.
14. PR-1213-L16054
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tuntutan terbuka Sultan Sulu bahawa Sabah adalah hak milik mereka. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan atas tuntutan ini dan mengapakah pembayaran sewa masih dibuat.
15. PR-1213-L15113
Datuk Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin [Papar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian akan merangka polisi dan dasar tertentu bagi memastikan majikan tidak selamanya cenderung untuk bergantung kepada pekerja asing sedangkan negara setiap tahun menyediakan puluhan ribu pekerja mahir tempatan lulusan ILKA (Institut Latihan Kemahiran Awam).
16. PR-1213-L16165
Tuan Roslan bin Shaharum [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah graduan perubatan yang dihasilkan oleh IPTA dan IPTS setiap tahun. Apakah kadar keluaran tersebut mampu menampung kekurangan tenaga doktor-doktor di negara ini.
17. PR-1213-L15446
Dato' Razali Bin Haji Ibrahim [Muar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha-usaha untuk memberi peluang pekerjaan kepada warga emas dan pesara-pesara memandangkan kebanyakan antara mereka adalah masih produktif.

18. PR-1213-L14834
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk menambahkan doktor perubatan di negeri Sarawak yang masih memerlukan banyak doktor, terutama sekali di kawasan-kawasan pedalaman.
19. PR-1213-L15312
Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah semua sekolah-sekolah di Malaysia akan diiktiraf sebagai sekolah-sekolah bantuan penuh.
20. PR-1213-L15203
Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi kekurangan jururawat di negara kita.
21. PR-1213-L15281
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mempunyai peruntukan akta untuk pewartaan tanah Native Customary Rights (NCR) di Sarawak seperti Skim Komuniti Berpagar dalam Akta Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2007. Jika ada, nyatakan peruntukan. Jika tiada, nyatakan sebabnya.
22. PR-1213-L16401
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah Perjanjian Perdagangan Bebas yang sedang dirundingkan dengan negara-negara lain pada masa ini. Adakah hasrat Kerajaan untuk mendapatkan maklum balas daripada NGO dan masyarakat sebelum melakukan keputusan muktamad berkaitan Perjanjian Perdagangan ini.
23. PR-1213-L15491
Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan kawasan Pantai Timur Sabah senantiasa diancam oleh pendatang tanpa izin dan penjenayah asing, bolehkah pihak Kementerian mewujudkan Pos Keselamatan dari Tawau ke Sandakan, Pihak Keselamatan yang ada nampaknya sukar untuk membendung kemasukan pendatang tanpa izin yang bolos setiap hari.
24. PR-1213-L15679
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan bilakah siaran langsung sesi soal jawab Parlimen akan ditambah dari 30 minit ke 90 minit dan adakah Kementerian bersedia menyiarkannya dengan penuh menerusi Internet.

25. PR-1213-L16332
Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) mengapakah Kementerian melaksanakan secara tergesa-gesa program PLKN peringkat baru bawah umur 35 tahun, apakah matlamatnya; dan
 - (b) apakah keputusan kajian menyeluruh telah dibuat terhadap kesan institusi kekeluargaan serta pendapatan ahli keluarga yang dipilih tidak terganggu.
26. PR-1213-L16108
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bayaran ex-gratia yang dibayar kepada bekas hakim-hakim Mahkamah Persekutuan yang dipecat semasa krisis Kehakiman pada tahun 1988 mengikut nama masing-masing.
27. PR-1213-L15587
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah perbelanjaan dan bilangan lawatan ke luar negara oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL bagi tahun 2006-2008 mengikut destinasi, tujuan, siapakah peserta-peserta yang telah pergi dan agensi pelancongan tempatan yang dilantik untuk lawatan-lawatan tersebut.
28. PR-1213-L15355
Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tidakkah boleh dihentikan sahaja perundingan FTA dengan Amerika Syarikat memandangkan ketidaktentuan politik, kemelut kewangan dan krisis ekonomi yang mereka hadapi dan juga campur tangan Jabatan Negara AS dalam hal-hal dalaman Malaysia.
29. PR-1213-L14817
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian menyediakan tanah kepada anggota-anggota tentera yang telah berkhidmat mempertahankan kedaulatan negara melebihi 20 tahun sebagai menghargai jasa-jasa dan pengorbanan mereka kepada negara.
30. PR-1213-L15364
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa masih terdapat banyak kes-kes kad pengenalan merah di kalangan penduduk-penduduk Malaysia dan langkah-langkah untuk mengatasinya.

31. PR-1213-L16459
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil untuk membela dan memelihara kebajikan pekerja-pekerja kilang :-
- (a) sama ada terdapat peruntukan atau arahan kepada majikan untuk memberikan kontrak kerja yang adil ; dan
 - (b) sama ada terdapat pemantauan khusus dan kajian tentang jumlah waktu bekerja, tangga gaji dan isu pembuangan kerja pekerja-pekerja kilang dan kesan pemantauan berkenaan.
32. PR-1213-L15090
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah tidak ada tolak ansur kepada pelanggan Bank Islam yang menggunakan perkhidmatan akaun semasa bila mana cek yang dikeluarkan oleh pelanggan melebihi had simpanan walaupun RM1.00 terus diambil tindakan tanpa dimaklumkan kepada pelanggan lebih awal.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2009 (D.R.16/2008) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2009 seperti berikut:-**

“ Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh tiga bilion tujuh ratus dua puluh sembilan juta satu ratus empat puluh lima ribu ringgit (RM53,729,145,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2009, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2009, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 Tahun 2008, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. “

Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (25 November 2008)

- | | | | |
|----|----------------|--|-----------------------------------|
| 2. | (D.R. 13/2008) | Rang Undang-undang Indentifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008 – Pertimbangan dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis. (28 Ogos 2008) | |
| | | | (Menteri Dalam Negeri) |
| 3. | (D.R. 12/2008) | Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2008 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | | (Menteri Pengajian Tinggi) |
| 4. | (D.R. 14/2008) | Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008. | “ |
| | | | (Menteri Pengajian Tinggi) |
| 5. | (D.R. 15/2008) | Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008. | “ |
| | | | (Menteri Pertahanan) |
| 6. | (D.R. 19/2008) | Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008. | “ |
| | | | (Menteri Kewangan) |

7. (D.R. 17/2008) Rang Undang-undang Kewangan 2008 “
(Menteri Kewangan)
8. (D.R. 18/2008) Rang Undang-undang Orang-Orang Papa (Pindaan) 2008 “
(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

“ Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960, mengambil ketetapan bersetuju supaya Malaysia membuat sumbangan kepada Program Penambahan Semula Dana Persatuan Pembangunan Antarabangsa ke Lima Belas sebanyak RM7,327,324. “

10. PR-1213-U14748

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, sejak akhir-akhir ini, seluruh dunia dan tidak ketinggalan negara Malaysia, menghadapi masalah pencemaran alam sekitar yang amat serius. Dan mengambil maklum bahawa selain menyebabkan pencemaran alam sekitar, plastik telah menyumbang kepada kejadian banjir, takungan air yang menjadi tempat pembiakan nyamuk dan lain-lain lagi masalah yang boleh memudaratkan kesihatan dan keselamatan manusia sejagat. Dan mengambil maklum bahawa, dengan kemajuan teknologi yang terdapat pada ketika ini, terdapat banyak jenis plastik mesra alam atau bio-plastics yang boleh kita gunakan dengan selamat berbanding dengan plastik hasil petroleum. Dan mengambil maklum bahawa kita diberkati dengan bahan-bahan semula jadi bagi menghasilkan plastik mesra alam seperti polylactide acid (PLA) plastic, poly-3-Hydroxybutyrate (PHB) Polyamide 11 (PA 11) dan Bio-Derived Polyethylene. Maka dengan ini, dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda satu akta yang mengharamkan penggunaan plastik hasil keluaran petroleum , dan menggantikan penggunaan plastik tersebut dengan plastik mesra alam."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

11. PR-1213-U14754

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa fenomena global warming menjadi sangat serius dan Malaysia tidak terkecuali daripada fenomena ini. Dan mengambil maklum bahawa, fenomena ini telah menjadi keraguan bagi seluruh dunia. Dan mengambil maklum bahawa mengikut kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat pada tahun 2002, pelepasan Carbon Dioxide hasil daripada penjanaan kuasa elektrik menyumbang 40% daripada pelepasan Carbon Dioxide yang secara terus menyebabkan kerosakan ozon yang secara langsung pula menyebabkan kepanasan dunia. Dan mengambil maklum juga bahawa hari ini, pembakaran Fossil Fuel dan arang batu sebagai bahan bakar bagi penjanaan kuasa elektrik terbukti memudaratkan kehidupan manusia. Dan mengambil maklum bahawa terdapat banyak teknologi baru bagi menghasilkan tenaga elektrik seperti Pelamis Wave Energy Converter-Ocean Sources , Biomass Fuel, Geothermal Energy, Hydroelectric, Solar Energy, Wind Energy dan Fuel Cell. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan sumber tenaga alternatif seperti yang disebutkan tadi, terutama sekali di kawasan yang tidak mendapat bekalan elektrik, misalnya di pulau-pulau di perairan negeri Sabah."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

12. PR-1213-U14757

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa penstrukturan semula subsidi minyak telah membawa impak kepada mutu hidup rakyat. Dan mengambil maklum bahawa kesan penstrukturan ini juga telah menyebabkan Kerajaan menanggung kos subsidi yang lain bagi menstabilkan kesejahteraan hidup rakyat. Dan mengambil maklum bahawa penggunaan petrol sebagai bahan bakar (bagi kenderaan) telah meningkat dengan mendadak sekali. Dan mengambil maklum juga dengan rizab gas asli yang hampir mencapai 100 trilion kaki padu, penggunaan gas asli dalam Natural Gas Vehicle (NGV) haruslah dikembangkan di seluruh negara termasuklah di negeri Sabah dan Sarawak. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menjadikan projek NGV ini sebagai projek nasional, yang mana ianya bukan sahaja dapat menjimatkan wang Kerajaan dari segi subsidi minyak tetapi juga dapat mengurangkan kesan pemanasan dunia."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

13. PR-1213-U15554

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan kedudukan undang-undang dan kesesuaian Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 untuk mewujudkan KL sebagai Bandar Raya Bertaman Tropika dan Bertaraf Dunia. Dewan juga hendak membahaskan pelbagai aspek termasuk penggunaan tanah dan kepadatan kependudukan KL."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

14. PR-1213-U15555

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan setakat mana wujudnya kerjasama dari semua pihak dengan Institut Integriti Malaysia untuk meningkatkan integriti dan masalah dan menghapuskan rasuah di negara ini."

(Perdana Menteri)

15. PR-1213-U16405

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para Ahli Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

(Menteri Penerangan)

16. PR-1213-U16408

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan Tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

17. PR-1213-U16411

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

(Perdana Menteri)

18. PR-1213-U16414

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya Diraja Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Menteri Dalam Negeri)

19. PR-1213-U14923

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya mengikut seksyen 4, Akta 144 Akta Pembangunan Petroleum 1974 agar Kerajaan negeri yang mengeluarkan minyak mentah dinaikkan royalti daripada 5% setelah dipersetujui oleh kedua-dua pihak kepada kadar 20%."

(Perdana Menteri)

20. PR-1213-U14926

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan untuk membincang supaya Kerajaan merancang serta menyusun semula kerjasama dengan semua negara-negara yang ada kaitan dengan pembangunan BIMP-EAGA agar negara-negara jiran ini dapat sama-sama membangun serentak untuk mengimbangkan pembangunan dengan negara yang kurang membangun. Penghijrahan pekerja daripada negara jiran sudah tentu dapat dibendung khasnya Pendatang Tanpa Izin (PTI) di Sabah dapat dikurangkan."

(Perdana Menteri)

21. PR-1213-U14928

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincang dengan seriusnya agar perusahaan penanaman padi dapat digembleng dan dipertingkatkan. Kawasan-kawasan sesuai yang terbiar seharusnya diusahakan demi untuk menampung keperluan makanan utama kita. Kerajaan seharusnya mempertimbangkan bantuan kewangan serta nasihat teknikal dalam perusahaan yang murni ini."

(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)

22. PR-1213-U16495

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meluluskan ketetapan bahawa kerajaan persekutuan hendaklah memulihkan semula pilihan raya kerajaan tempatan di semua majlis / dewan bandar raya dan majlis perbandaran seluruh negara dengan mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi maksud tersebut supaya perwakilan rakyat di dalam Kerajaan Tempatan dikembalikan semula selaras dengan amalan demokrasi berparlimen di Malaysia dan tuntutan rakyat sebagaimana yang dijemakan dalam keputusan Pilihan Raya Umum 2008 yang mencerminkan kehendak dan hasrat rakyat."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

23. PR-1213-U16496

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan membina sebuah Muzium memperingati kapitan Yap Ah Loy bagi mengenang jasa mendiang sebagai pembuka dan bapa pembangunan awal Kuala Lumpur untuk tatapan masyarakat Malaysia dan antarabangsa."

(Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

24. PR-1213-U16497

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membantah tindakan Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah membentuk JKKKP di kampung-kampung dalam negeri-negeri yang diperintah oleh kerajaan campuran Pakatan Rakyat kerana ia bertindan dengan JKKK sedia ada yang ditadbir oleh pejabat daerah di negeri-negeri tersebut menyebabkan rakyat berpecah-belah, berpuak-puak dan didiskriminasikan, sebaliknya merestui JKKK sedia ada dengan menyalurkan peruntukan secara sama rata dan adil."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

25. PR-1213-U16498

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini bersetuju untuk mendesak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang dalam proses Draf Pelan Tempatan 2020 menetapkan dasar tegas untuk tidak mengambil tindakan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 ke atas tanah-tanah milik persendirian di Kuala Lumpur bagi melaksanakan cadangan pelan yang bertentangan dengan kepentingan dan kehendak rakyat."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

26. PR-1213-U14755

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini hendaklah membahaskan perubahan dasar iaitu Sistem Pendidikan kini yang amat dipinggirkan dan tanda-tanda yang amat mudah dilihat ialah rendahnya anggaran peruntukan pendidikan yang disediakan untuk kaum bukan bumiputera. Pada masa yang akan datang, pengamalan yang negatif ini akan melumpuhkan kegiatan pengembangan dalam bidang pendidikan dan akibatnya akan mengalami stagnasi yang luar biasa untuk satu kaum. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan bagi menggalakkan dan memberikan peluang untuk reformasi bidang pendidikan di negara agar setiap generasi dan kaum dapat dibentuk sesuai dengan tuntutan zamannya dan bagi perubahan tersebut, kadar nisbah harus dimansuhkan dan pinjaman pendidikan harus dibuka kepada kesemua rakyat Malaysia yang layak untuk mendapatnya."

(Menteri Pelajaran)

27. PR-1213-U14756

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa dengan ini Dewan hendaklah mengambil satu ketetapan untuk meminta Kerajaan Malaysia untuk membina 100 buah Sekolah Cina dan 50 buah Sekolah Tamil yang baru tanpa apa-apa keraguan perbezaannya dalam jangka masa yang singkat."

(Menteri Pelajaran)

28. PR-1213-U15524
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya ditubuhkan majlis yang dinamakan Majlis Tindakan Perancangan Tenaga Negara (MTPTN) yang, antara lain akan membincangkan langkah-langkah proaktif Kerajaan untuk menghadapi kemungkinan berlakunya krisis harga bahan api fosil dunia yang sering kali di manipulasi oleh pasaran minyak mentah antarabangsa. Majlis ini akan berperanan mengikut terma-terma berikut berperanan mengenal pasti dan seterusnya melantik pakar-pakar dalam bidang-bidang berkaitan dari pihak Kerajaan, swasta, badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) dan parti-parti politik menganggotai MTPTN, MTPTN berperanan mengemukakan Pelan Induk (Master Plan) untuk membolehkan Kerajaan membuat perancangan jangka pendek dan jangka panjang di dalam menghadapi apa jua kemungkinan yang melibatkan krisis harga minyak di pasaran dunia dan mengkaji dengan penuh tanggungjawab bagaimana penstrukturan subsidi minyak boleh diagihkan dengan lebih adil dan kompeten kepada golongan sasar di negara ini."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

29. PR-1213-U15526
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa Tertinggi peringkat kebangsaan bagi membolehkan Kerajaan melihat dan mengkaji semula peranan dan masa depan Sekolah-sekolah Agama Rakyat (SAR) yang semakin lumpuh akibat daripada sikap Kerajaan sendiri yang menghentikan pemberian bantuan per kapita pada tahun 2002."

(Perdana Menteri)

30. PR-1213-U15527
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya dikaji prestasi dan kompetensi Ketua Polis Negara dan Peguam Negara yang semakin dipersoalkan kredibiliti mereka oleh rakyat pada masa ini. Oleh itu, satu Tribunal Khas hendaklah ditubuhkan segera bagi mengembalikan integriti pasukan polis dan Jabatan Peguam Negara dan seterusnya memulihkan kepercayaan rakyat terhadap sistem penguatkuasaan dan pendakwaan di negara ini."

(Perdana Menteri)

31. PR-1213-U15528
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya satu kajian secara holistik hendaklah dijalankan terhadap kepekaan Kerajaan terhadap peranan golongan kurang upaya (OKU) di negara ini. Masih lagi terdapat banyak ruang yang memerlukan tindakan lebih serius Kerajaan untuk membela nasib dan masa depan golongan OKU ini. Ketidakpedulian pihak-pihak tertentu khususnya pihak swasta dan Kerajaan sendiri telah mengakibatkan golongan OKU tercicir terutama untuk mendapatkan hak mereka seperti peluang pekerjaan, kemudahan asas dan rawatan kesihatan."

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

32. PR-1213-U15530
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya semua tanah rizab Melayu yang ditukar status untuk projek-projek Kerajaan Persekutuan dan negeri hendaklah disegerakan pengantiannya dengan kawasan lain yang mempunyai nilai harga yang sama."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

33. PR-1213-U15531
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya disegerakan semua usaha untuk memperbaiki serta meningkatkan pentadbiran, kebajikan dan pembangunan Orang Asli."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

34. PR-1213-U14893
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk memainkan peranan yang lebih positif dalam proses mencari pendamaian di Selatan Thailand, Selatan Filipina dan Utara Sri Lanka. Pengalaman Malaysia dalam mentadbir dan mengurus kepelbagaian etnik dan agama boleh digunakan untuk mengagihkan pengetahuan yang berguna kepada negara-negara ini."

(Menteri Luar Negeri)

35. PR-1213-U14894
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari iaitu kakitangan akademik di Institut-institut Pengajian Awam Negara adalah didominasi oleh satu golongan etnik. Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk memastikan bahawa lebih ramai calon daripada golongan bukan bumiputera dilantik sebagai kakitangan akademik pada masa depan agar mencerminkan komposisi multi-etnik negara." "

(Menteri Pengajian Tinggi)

36. PR-1213-U14896
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia supaya mengambil langkah-langkah efektif untuk membina lebih banyak sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil demi menjaga kepentingan serta memenuhi keperluan masyarakat Cina dan India di negara ini."

(Menteri Pelajaran)

37. PR-1213-U15687
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti di bahas di Parlimen dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara bagi mempertingkatkan integriti dan keberkesanan jangka panjang pembelian sistem pertahanan. "

(Menteri Pertahanan)

38. PR-1213-U15416
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan tuntutan Singapura untuk meluaskan zon ekonomi eksklusif dari Batu Puteh dan langkah-langkah yang patut diambil oleh Kerajaan untuk menentang tuntutan ini."

(Menteri Luar Negeri)

39. PR-1213-U14683

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan bagi memperkukuhkan sistem pengangkutan awam yang cekap, tepat, pantas dan murah serta mempunyai satu sistem yang berintegrasi antara satu sama lain. Jaringan pengangkutan tersebut harus diperluas ke seluruh pelosok negara tidak terhad hanya kepada bandar-bandar utama sahaja."

(Menteri Pengangkutan)

40. PR-1213-U14684

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan bagi mengurangkan kursus, seminar dan kegiatan pelancongan ke luar negara sebaliknya menggantikan lokasi tersebut ke dalam negara. Ini bagi menjimatkan kos perbelanjaan Kerajaan seterusnya merancakkan industri pelancongan dalam negara yang terjejas teruk akibat kenaikan harga petrol dan barangan keperluan. Ia juga dapat membantu pengusaha-pengusaha yang bergantung pendapatannya dengan kegiatan pelancongan seperti perhotelan, rekreasi dan seumpamanya."

(Menteri Pelancongan)

41. PR-1213-U15521

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa- Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap hukuman mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana bersetuju bahawa negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut. "

(Menteri Luar Negeri)

42. **Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada YB. Ahli bagi Kawasan Subang untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat 2008."

(Menteri Dalam Negeri)

43. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengkritik Kerajaan Barisan Nasional menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menahan pemberita Sin Chew Jit Poh Cik Tan Hoon Cheng, penulis blog Raja Petra Kamaruddin dan Ahli Parlimen Seputeh YB Teresa Kok dalam bulan September tahun ini. Dewan ini juga memegang pendirian bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri merupakan akta yang tidak adil dan bercanggah dengan keadilan sejati (natural justice) dan hak asasi manusia, dan mengambil pendirian bahawa akta ini dimansuhkan."

(Menteri Dalam Negeri)